

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)**www.gaexcellence.com/ijmoe**PEMBANGUNAN KAMUS ISTILAH FALSAFAH ATAS
TALIAN: SATU INOVASI DIGITAL DALAM MATA
PELAJARAN UMUM (MPU) FALSAFAH DAN ISU SEMASA***DEVELOPMENT OF AN ONLINE PHILOSOPHY TERMINOLOGY
DICTIONARY: A DIGITAL INNOVATION IN THE GENERAL STUDIES
(MPU) PHILOSOPHY AND CURRENT ISSUES COURSE*Noor Syahidah Mohamad Akhir^{1*}, Syaimak Ismail²

¹ Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, MALAYSIA.

 noorsyahidah9177@uitm.edu.my <https://orcid.org/0009-0003-3634-1886>

² Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau, MALAYSIA.

 syaimak@uitm.edu.my <https://orcid.org/0000-0001-9387-4740>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 03.08.2026

Revised date: 27.08.2026

Accepted date: 06.09.2026

Published date: 21.09.2026

To cite this document:

Akhir, N. S. M., & Ismail, S. (2026). Pembangunan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian: Satu Inovasi Digital Dalam Mata Pelajaran Umum (MPU) Falsafah Dan Isu Semasa. *International Journal of Modern Education*, 8(31), 1038-1051.

Abstrak:

Perkembangan pesat teknologi digital telah mengubah landskap pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi. Senario ini mendorong pembangunan pelbagai inovasi digital bagi menyokong proses pembelajaran pelajar. Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan salah satu kursus wajib Mata Pelajaran Umum (MPU). Namun, kepelbagaian latar belakang akademik pelajar menyebabkan kesukaran untuk mendalami FIS kerana keterbatasan memahami istilah-istilah falsafah. Terdapat kekurangan sumber rujukan digital yang menghimpunkan istilah-istilah falsafah secara sistematik dan mudah diakses. Justeru, artikel ini bertujuan membincangkan pembangunan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian sebagai satu inovasi digital. Pembangunan aplikasi ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR) dengan menekankan proses analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan produk. Produk ini mengintegrasikan definisi istilah, elemen multimedia dan ciri interaktif yang berpotensi menyokong pemahaman konsep falsafah. Produk dilihat mempunyai potensi untuk memperkukuhkan penguasaan istilah dan menyokong pembelajaran sendiri.

DOI: 10.35631/IJMOE.831059

Kata Kunci:

Falsafah Dan Isu Semasa, Inovasi Digital, Kamus, Mata Pelajaran Umum (MPU), Pendidikan Tinggi

Abstract:

The rapid advancement of digital technology has transformed the landscape of teaching and learning (T&L) in higher education institutions. This development has encouraged the adoption of various digital innovations to support student learning. Philosophy and Current Issues is one of the compulsory General Studies (MPU) courses. However, students' diverse academic backgrounds may create difficulties in engaging with the course, particularly due to limited understanding of philosophical terminology. There remains a lack of digital reference resources that systematically compile philosophical terminology in an accessible format. Therefore, this article aims to discuss the development of an Online Philosophy Terminology Dictionary as a digital innovation. The application was developed using the Design and Development Research (DDR) approach, with emphasis on needs analysis, design, and product development. The product integrates definitions of philosophical terms, multimedia elements, and interactive features that have the potential to support students' understanding of philosophical concepts. The product also has the potential to strengthen students' mastery of philosophical terminology and support self-directed learning.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Philosophy And Current Issues; General Studies (MPU), Digital Innovation, Dictionary, General Studies (MPU), Higher Education.

Pendahuluan

Perkembangan teknologi digital telah mengubah landskap pendidikan tinggi global. Dalam era pendidikan abad ke-21, inovasi digital diiktiraf sebagai pemangkin kepada pemahaman konsep serta keberkesanan pembelajaran, khususnya bagi kursus yang melibatkan konsep abstrak dan memerlukan pemikiran aras tinggi (Bond et al., 2020). Oleh itu, pembangunan bahan pembelajaran digital mengikut disiplin ilmu semakin diberi perhatian kerana berpotensi memenuhi keperluan pelajar.

Transformasi pendidikan tinggi turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang holistik melalui pelaksanaan Mata Pelajaran Umum (MPU). Selaras dengan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diperkenalkan mulai tahun 2020 sebagai kursus wajib universiti (Akhir et al., 2023). Kursus ini menggunakan kepelbagaian istilah yang merupakan konsep asas falsafah seperti epistemologi, metafizik, ontologi, aksiologi dan etika. Penguasaan istilah-istilah penting bagi membolehkan pelajar memahami kandungan kursus secara menyeluruh. Beberapa kajian tempatan menunjukkan bahawa kursus FIS memainkan peranan signifikan dalam membentuk pemikiran kritis, dan pembangunan sahsiah mahasiswa (Kassim et al., 2023; Azlan et al., 2024).

Kepelbagaian latar belakang akademik pelajar merupakan cabaran untuk memahami dan menguasai mata pelajaran FIS. Sumber digital yang khusus menghimpunkan istilah-istilah falsafah mengikut konteks kursus FIS masih terhad. Hasil sorotan literatur menunjukkan banyak kajian mengkaji pelaksanaan kursus, pembentukan pemikiran kritis, pembangunan nilai dan strategi pengajaran (Saili et al., 2025).

Kekurangan tersebut menunjukkan pelajar masih memerlukan satu sumber rujukan digital yang menghimpunkan istilah falsafah secara sistematik dengan capaian mudah. Keperluan ini penting untuk penguasaan terminology yang merupakan asas kepada pemahaman konsep dan perbincangan kursus. Penggunaan teknologi digital seperti e-vocabularies antaranya berpotensi menyokong pencarian maklumat dan pemahaman terminology secara lebih sistematik (Garcia-Barriocanal et al., 2017).

Berbeza daripada kamus dalam talian umum yang berfungsi sebagai sumber rujukan istilah secara luas, manakala Kamus Istilah Falsafah lebih tertumpu kepada terminology yang relevan dengan kandungan kursus FIS. Prototaip ini memuatkan istilah-istilah yang terdapat dalam kandungan FIS dan disokong sumber akademik. Maklumat tambahan seperti istilah dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab, contoh penggunaan istilah turut dipaparkan. Penyusunan secara digital mengikut abjad serta fungsi carian turut memudahkan capaian.

Artikel ini bertujuan membincangkan Pembangunan prototaip Kamus Istilah Falsafah Atas Talian sebagai satu inovasi digital. Pembangunan kamus dilaksanakan menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR). Kamus ini dibangunkan menggunakan platform Notion dengan mengintegrasikan istilah-istilah falsafah yang relevan, definisi yang mudah difahami serta struktur digital yang sistematik.

Literature Review

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS)

Falsafah dan Isu Semasa (FIS) merupakan salah satu Mata Pelajaran Umum (MPU) yang diwajibkan dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia. Pengenalan kursus-kursus di bawah komponen MPU mencerminkan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memperkukuh pembangunan modal insan melalui pengintegrasian aspek falsafah, etika, peradaban dan kenegaraan dalam kurikulum universiti. Dalam konteks ini, kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diperkenalkan pada tahun 2019 oleh Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan. Kursus ini adalah kursus wajib universiti bagi semua pelajar peringkat ijazah sarjana muda di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (Akhir et al., 2023). FIS diperkenalkan bagi menggantikan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) agar pelajar dapat menghadapi cabaran kehidupan yang semakin kompleks (Alias & Mat, 2022).

Hazim Mohd Azhar et al. (2021) menjelaskan bahawa kursus ini diwajibkan kepada semua mahasiswa sebagai syarat bergraduasi. Di Universiti Teknologi MARA (UiTM), kursus ini dipertanggungjawabkan di bawah fakulti Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dengan kod subjek CTU552 iaitu Falsafah dan Isu Semasa. Kursus ini dipelajari dalam bahasa Malaysia dan dibahagikan kepada 9 topik pembelajaran. Rajah 1 merupakan infografik berkaitan kandungan kursus FIS di UiTM.



Rajah 1: Infografik Kandungan Kursus Falsafah dan Isu Semasa

Berdasarkan rajah di atas, topik perbincangan dalam FIS adalah berhubung pengenalan ilmu falsafah, falsafah dalam kehidupan, seni dan kaedah berfikir, konsep insan, epistemologi, ideologi semasa, etika sebagai isu kefalsafahan dan kajian terpilih isu-isu semasa. Di UiTM, pelajar perlu melakukan beberapa tugas bagi menyempurnakan kod kursus CTU552 iaitu i) Kertas kerja berkumpulan (30 markah), ii) Pembentangan berkumpulan (30 markah) dan iii) Ujian akhir (40 markah) (Akhir et al., 2023). Ujian akhir berbentuk objektif dengan aras rubrik

C1-C5 iaitu aras rendah dengan skala memahami sehingga aras tinggi dengan skala menilai. Tiada peperiksaan akhir untuk kursus ini di UiTM (Course Information CTU552, 2024).

Dari sudut kandungan, kursus FIS memberi penekanan kepada penguasaan konsep-konsep asas falsafah yang menjadi asas kepada kefahaman pelajar terhadap keseluruhan kandungan kursus. Menurut Azlan et al. (2024), FIS bukan sekadar kursus yang memperkenalkan teori falsafah, bahkan menjadi medium untuk membentuk pandangan alam, jati diri, nilai akhlak serta daya tahan mahasiswa dalam mendepani cabaran global.

Walaupun kursus FIS mempunyai objektif yang jelas dan signifikan, beberapa tinjauan literatur menunjukkan bahawa pelajar masih memerlukan sumber rujukan yang dapat membantu mereka secara sistematik. Dapatan kajian Akhir et al (2023) mendapati 52.1% pelajar menyatakan kesurakan kursus ini dan 26% pelajar tidak pernah mempelajari kursus falsafah sebelum ke peringkat ijazah. Walau bagaimanapun majoriti pelajar iaitu 89% menyatakan bahawa kursus ini membantu mereka untuk berfikir kritis dan kreatif. Keperluan ini membuka ruang kepada pembangunan bahan pembelajaran digital yang lebih interaktif dan mudah diakses.

Cabaran Pembelajaran Falsafah dan Isu Semasa

Menurut Marinsah et al. (2021), modul ini dibangunkan bagi melatih mahasiswa berfikir secara kritis terhadap isu semasa. Walau bagaimanapun, pencapaian hasrat tersebut bergantung kepada sejauh mana pelajar dapat menguasai konsep dan istilah asas falsafah yang menjadi teras kepada kandungan kursus. Istilah seperti epistemologi, metafizik, ontologi, aksiologi dan falasi bukan sahaja bersifat teknikal, malah membawa makna konseptual yang memerlukan kefahaman mendalam sebelum dapat diaplikasikan dalam proses penaakulan dan perbincangan akademik. Tanpa penguasaan terminologi yang baik, pelajar berisiko mengalami salah tafsir terhadap konsep falsafah, sekali gus menjejaskan keupayaan untuk menghubungkannya dengan isu-isu semasa.

Cabaran utama dalam pembelajaran falsafah ialah sifat disiplin yang abstrak, konseptual dan memerlukan tahap penaakulan yang tinggi. Berbeza dengan kursus yang berorientasikan prosedur atau pengiraan, pembelajaran falsafah menuntut pelajar memahami konsep sebelum mampu membuat analisis, sintesis dan penilaian terhadap sesuatu isu. Oleh itu, istilah-istilah falsafah tidak boleh dipelajari melalui hafalan semata-mata, sebaliknya memerlukan penjelasan yang kontekstual, contoh aplikasi dan hubungan antara konsep.

Berdasarkan Meta-analisis oleh Saili et al. (2025) terhadap 21 kajian FIS melaporkan bahawa penyelidikan sedia ada lebih tertumpu kepada keberkesanan pengajaran, pembentukan pemikiran kritis, identiti moral dan persepsi pelajar. Walau bagaimanapun, penyelidikan yang memfokuskan pembangunan sumber pembelajaran digital khusus untuk membantu pelajar menguasai terminologi falsafah masih terhad. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun aspek pedagogi telah banyak diterokai, keperluan terhadap inovasi pembelajaran masih belum diberikan perhatian secara menyeluruh.

Selain itu, perkembangan penyelidikan dalam bidang pemikiran kritis menunjukkan bahawa salah satu halangan utama kepada pembelajaran ialah ketidakjelasan terhadap makna sesuatu konsep. Toh et al. (2025) menegaskan bahawa ramai pelajar universiti menghadapi kesukaran memahami konsep pemikiran kritis kerana istilah-istilah yang digunakan sukar difahami dan

kurang mesra pengguna. Begitu juga dengan kursus FIS yang memerlukan penguasaan istilah untuk membentuk kefahaman umum.

Berdasarkan sorotan literatur, dapat dirumuskan bahawa cabaran pembelajaran FIS bukan semata-mata berpunca daripada kandungan kursus yang kompleks, tetapi turut dipengaruhi oleh kekurangan sumber pembelajaran yang membantu pelajar memahami istilah-istilah falsafah secara sistematik, interaktif dan mudah diakses. Jurang ini mewujudkan keperluan untuk membangunkan satu medium pembelajaran digital yang menghimpunkan terminologi falsafah secara sistematik.

Inovasi Digital dalam Pendidikan Tinggi

Perkembangan teknologi digital bukan sahaja mengubah kaedah penyampaian ilmu, malah memperluaskan akses kepada pelbagai sumber pembelajaran yang boleh digunakan secara sendiri tanpa terikat kepada masa dan lokasi. Dalam konteks pendidikan tinggi, penggunaan teknologi digital dilihat sebagai medium yang mampu meningkatkan penglibatan pelajar, memperkukuh pemahaman konsep serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat (Pinto & Leite, 2020).

Pelaksanaan inovasi digital dalam pendidikan tinggi merangkumi pelbagai bentuk teknologi seperti sistem pengurusan pembelajaran (*Learning Management System*), aplikasi mudah alih, pembelajaran teradun (*blended learning*), pembelajaran berasaskan multimedia, realiti maya (*Virtual Reality*), realiti terimbuh (*Augmented Reality*) dan aplikasi pembelajaran berasaskan web. Menurut Aljawarneh (2020), teknologi pembelajaran digital yang bersifat mudah alih dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih fleksibel.

Berbeza dengan bahan rujukan konvensional, sumber digital membolehkan kandungan dipersembahkan secara lebih interaktif melalui integrasi teks, grafik, audio, video dan elemen multimedia yang dapat meningkatkan kefahaman konsep. Pinto dan Leite (2020) menegaskan bahawa teknologi digital bukan sekadar berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat, malah berperanan menyokong pembelajaran aktif melalui penggunaan sumber pembelajaran yang pelbagai.

Dalam konteks pembelajaran terminologi, penggunaan teknologi digital seperti kamus elektronik, glosari atas talian dan aplikasi pembelajaran didapati berupaya meningkatkan kefahaman konsep. Garcia-Barriocanal et al. (2017) menjelaskan bahawa *electronic vocabularies (e-vocabularies)* bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pencarian maklumat, malah menjadi sumber pembelajaran yang membantu pelajar memahami terminologi sesuatu disiplin ilmu secara lebih sistematik. Di samping itu, meta-analisis oleh Haidari et al. (2020) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital seperti kamus dalam talian, berpotensi memberikan manfaat terhadap penguasaan kosa kata. Di samping itu juga, terdapat kamus digital dalam bidang qiraat berdasarkan kurikulum sesuatu disiplin (Adi et al, 2025).

Metodologi Penyelidikan

Kajian menggunakan kaedah *Design and Development Research (DDR)* bagi membangunkan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian. DDR merupakan pendekatan penyelidikan yang sistematik untuk mereka bentuk, membangunkan dan mengesahkan produk (Richey & Klein, 2007).

Pendekatan ini menggabungkan proses pembangunan produk dengan penyelidikan secara sistematik bagi menghasilkan inovasi yang mempunyai nilai praktikal dan berasaskan teori (Richey & Klein, 2014).

Pemilihan pendekatan DDR adalah selaras dengan objektif kajian, iaitu membangunkan satu aplikasi Kamus Istilah Falsafah sebagai sumber pembelajaran digital yang berpotensi untuk menyokong pemahaman istilah-istilah falsafah. Kajian ini mengadaptasi tiga fasa utama DDR iaitu i) Analisis keperluan, ii) Reka bentuk dan pembangunan, serta iii) Pengesahan pakar (Richey&Klein 2007). Rajah infografik berkaitan carta alir pembangunan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian.



Rajah 2 : Carta Alir Pembangunan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian

Fasa pertama melibatkan analisis keperluan melalui sorotan literatur secara sistematik bagi mengenal pasti isu, cabaran dan keperluan pembangunan sumber pembelajaran digital dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa. Sorotan literatur ini turut digunakan untuk mengenal pasti komponen, ciri-ciri dan elemen yang perlu diintegrasikan dalam pembangunan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian.

Fasa kedua melibatkan proses reka bentuk dan pembangunan aplikasi Kamus Istilah Falsafah Atas Talian berdasarkan dapatan daripada analisis keperluan. Pada fasa ini, kandungan aplikasi disusun secara sistematik dengan mengintegrasikan istilah falsafah yang standard dan reka bentuk multimedia.

Fasa ketiga melibatkan pengesahan pakar sebagai proses penilaian terhadap prototaip yang dibangunkan. Maklum balas daripada ahli pakar digunakan bagi menambah baik aplikasi supaya memenuhi objektif pembangunan. Pakar yang dipilih adalah ahli akademik Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKKM), Cawangan Perlis, Kampus Arau.

Dapatan Kajian

Analisis Keperluan

Fasa pertama DDR melibatkan analisis keperluan bagi mengenal pasti isu, cabaran dan keperluan. Analisis ini dilaksanakan melalui sorotan literatur untuk menentukan keperluan kandungan dan ciri yang sesuai bagi menyokong pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) (Richey & Klein, 2007; Richey & Klein, 2014).

Dapatan menunjukkan bahawa penguasaan istilah falsafah merupakan asas penting dalam memahami kandungan FIS. Namun, sifat istilah yang abstrak dan konseptual boleh menyukarkan pelajar, khususnya mereka yang tidak mempunyai latar belakang falsafah. Kajian Akhir et al. (2023) turut melaporkan bahawa 52.1% pelajar menganggap kursus FIS sukar, manakala 26% tidak pernah mempelajari falsafah sebelum memasuki pengajian ijazah. Walaupun demikian, 89% pelajar mengakui bahawa FIS membantu membentuk pemikiran kritis dan kreatif.


Sorotan literatur juga menunjukkan bahawa kajian FIS lebih banyak memberi tumpuan kepada pengajaran, pemikiran kritis dan pembentukan nilai, manakala pembangunan sumber digital khusus untuk penguasaan terminologi falsafah masih terhad (Saili et al., 2025). Pada masa yang sama, teknologi digital dan e-vocabularies berpotensi menyokong pembelajaran sendiri, pencarian maklumat dan pemahaman terminologi secara lebih sistematik (Garcia-Barriocanal et al., 2017; Pinto & Leite, 2020).

Berdasarkan dapatan tersebut, empat keperluan utama dikenal pasti, iaitu: (i) penghimpunan istilah falsafah (ii) penyediaan definisi yang mudah difahami, (iii) akses secara atas talian dan (iv) integrasi elemen digital serta interaktif. Keperluan ini menjadi asas kepada reka bentuk dan pembangunan Kamus Istilah Falsafah Atas Talian.

Reka Bentuk dan Pembangunan

Proses ini meliputi penyusunan kandungan, pemilihan istilah serta pembangunan struktur kamus secara sistematik. Kamus dibangunkan menggunakan platform Notion sebagai medium digital atas talian. Platform ini digunakan untuk mengurus, menyusun dan menyimpan kandungan kamus. Fungsi pangkalan data ini membolehkan istilah direkod dan dikategorikan secara sistematik serta dikemas kini dengan mudah. Penggunaan Notion juga memudahkan proses pembangunan prototaip kerana fungsi carian, pengkategorian, penyuntingan dan kolaborasi telah tersedia. Platform ini dilihat lebih praktikal, cekap dan kos efektif.

Kandungan dalam Notion berfungsi sebagai pangkalan pengetahuan yang mengandungi istilah dan maklumat berkaitan. Muka aplikasi direka bentuk bagi memudahkan pengguna mengakses, mencari dan membaca istilah yang diperlukan. Rajah 3 adalah laman paparan Kamus Falsafah Atas Talian menggunakan platform Nation.



Rajah 3: Muka Hadapan Kamus Falsafah atas Talian

Sumber: <https://app.notion.com/p/KAMUS-FALSAFAH-13ee1fe8e80d80ff8885fed9ba035363>

Rajah 3 menunjukkan muka hadapan Kamus Falsafah atas Talian. Walaupun platform ini mudah dan kemas, namun ia mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu dinilai. Aspek seperti tahap kawalan terhadap struktur dan fungsi akses sistem adalah terhad berbanding sistem yang dibangunkan sepenuhnya secara khusus. Selain itu, kebergantungan platform ini perlu diambil kira sekiranya aplikasi ingin dikembangkan kepada skala yang lebih besar. Oleh itu, pemilihan Notion dalam kajian ini merupakan platform awal kerana ia merupakan kajian pembangunan prototaip yang melihat aspek kandungan, tempoh singkat dan kos yang rendah. Kamus ini dibangunkan mengikut carian huruf bermula A sehingga Z. Proses pengumpulan istilah dilakukan berdasarkan beberapa sumber utama, termasuk silibus CTU552, nota dan bahan pengajaran pensyarah, buku teks, artikel jurnal serta sumber akademik berkaitan dengan falsafah. Rajah 4 menunjukkan paparan antara istilah yang dimuat naik.



Rajah 4 : Paparan Kamus Falsafah atas Talian Menggunakan Platform Notion

Sumber: <https://app.notion.com/p/KAMUS-FALSAFAH-13ee1fe8e80d80ff8885fed9ba035363>

Rajah 4 menunjukkan setiap terminologi dikategorikan mengikut huruf. Definisi bagi setiap istilah dibangunkan berdasarkan sumber akademik yang sahih dan disusun dalam bentuk yang lebih ringkas. Maklumat tambahan seperti istilah dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab, kategori istilah, contoh penggunaan dan sumber rujukan turut dimasukkan bagi memperkayakan kandungan kamus. Bagi memastikan ketepatan kandungan, definisi telah melalui proses semakan dan pengesahan oleh ahli akademik sebelum dimuatnaik ke pangkalan data digital. Rajah 5 menunjukkan istilah-istilah yang dimuatnaik. Memandangkan kamus ini masih diperingkat prototaip, istilah yang dimuatnaik adalah 35 istilah falsafah yang dianggap penting untuk pembelajaran CTU552.

Jadual 1: Istilah-Istilah Yang Dimuatnaik

Bil.	Istilah	Bil.	Istilah	Bil.	Istilah
1	Abstrak	13	Estetika	24	Mekanisme
2	Agnostisisme	14	Eurosentrisme	25	Metafizik
3	Aksiologi	15	Falasi	26	Modenisme
4	Antroposentrisme	16	Fenomenologi	27	Monoteisme
5	Ateisme	17	Genosid	28	Ontologi
6	Dekolonisasi	18	Humanisme	29	Pascamodenisme
7	Determinisme	19	Idealisme	30	Politeisme
8	Dualisme	20	Kosmologi	31	Rasionalisme
9	Epistemologi	21	Logik	32	Realisme
10	Etika	22	Mantik	33	Relativisme Pascamodenisme
11	Egoisme	23	Mekanisme	34	Saintisme
12	Epistemisid			35	Sekularisme

Kebaharuan (*novelty*) kajian ini bukan terletak pada penggunaan kamus digital semata-mata, tetapi pada pembangunan prototaip kamus yang memfokuskan terminologi falsafah mengikut konteks kursus FIS. Definisi diringkaskan daripada sumber akademik, maklumat sokongan bagi setiap istilah serta capaian digital yang mudah.

Pengesahan Produk

Pengesahan pakar terhadap Kamus Istilah Falsafah Atas Talian bertujuan memastikan fungsi kamus sesuai dengan keperluan pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa. Pakar terdiri daripada ahli akademik dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKKM), Cawangan Perlis, Kampus Arau. Penilaian pakar memberi tumpuan kepada aspek teknikal dan reka bentuk digital kamus, khususnya dari segi susunan kandungan, kebolehgunaan dan fungsi aplikasi. Maklum balas yang diperoleh digunakan sebagai asas untuk membuat penambahbaikan terhadap kamus sebelum produk dimuktamadkan.

Hasil pengesahan menunjukkan bahawa kamus sesuai digunakan sebagai prototaip sumber pembelajaran digital dan berpotensi menyokong pemahaman pelajar terhadap istilah falsafah. Walau bagaimanapun, kamus ini masih berada pada peringkat prototaip dan perlu diperhalusi dari aspek reka bentuk dan fungsi agar lebih cekap dan berinisiatif sebagai sumber pembelajaran digital bagi kursus FIS.

Kesimpulan

Kajian ini telah membangunkan prototaip Kamus Istilah Falsafah Atas Talian sebagai satu inovasi digital bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Hasil kajian menunjukkan terdapat keperluan terhadap sumber digital yang menghimpunkan istilah falsafah dan mudah diakses. Dari aspek impak, kamus berpotensi menyokong pemahaman pelajar terhadap istilah dan konsep asas falsafah dengan lebih tersusun, di samping menyediakan sumber rujukan digital. Inovasi ini juga berpotensi menyokong pembelajaran sendiri serta membantu pensyarah menyediakan bahan sokongan dalam pengajaran FIS.

Bagi cadangan kajian masa hadapan, pembangunan kamus boleh diperluas dengan menambah lebih banyak istilah, elemen multimedia dan ciri interaktif. Kajian seterusnya juga dicadangkan untuk melibatkan pelajar sebagai pengguna bagi menilai aspek kebolegunaan, penerimaan dan keberkesanan kamus terhadap penguasaan istilah falsafah. Penilaian tersebut dapat memberikan bukti empirikal yang lebih kukuh terhadap keberkesanan inovasi ini dalam menyokong pembelajaran FIS. Secara keseluruhannya, Kamus Istilah Falsafah Atas Talian merupakan satu langkah awal ke arah pendigitalan sumber pembelajaran berasaskan disiplin ilmu dan berpotensi dikembangkan kepada kursus-kursus Mata Pelajaran Umum yang lain.

Penghargaan:	Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia, atas peluang dan insentif berharga yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan di bawah Tabung Penyelidikan AM.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini menerima sokongan kewangan daripada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. [Noor Syahidah Mohamad Akhir] bertanggungjawab sebagai penulis utama dan corresponding author, menulis bahagian pendahuluan, literatur review, metodologi kajian dan dapatan kajian. Manakala [Syaimak Ismail] mengendalikan pembangunan prototaip Kamus Falsafah, membuat pengesahan produk dan penyemak akhir penulisan artikel. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
Pengisytiharan Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI)	“Penulis mengisytiharkan bahawa kecerdasan buatan (AI) generatif atau teknologi berbantuan AI telah digunakan semasa penyediaan manuskrip ini. Alat/perisian AI berikut telah digunakan: [Chatgpt]. Alat/perisian tersebut digunakan untuk [Memberi idea awal penulisan, cadangan tajuk artikel, melukis rajah dan menyemak kesesuaian keseluruhan penulisan artikel. Semua kandungan yang dihasilkan atau dibantu oleh AI telah disemak dan disahkan oleh penulis. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, keaslian, integriti dan kandungan akhir manuskrip ini.”

Rujukan

- Adi, M. F. A., Shamsul Kamar, M. Z., Mohd Nawi, M. I., Amer, U., & Radhi, H. M. (2025). Sorotan literatur naratif pembangunan kamus digital qiraat berasaskan keperluan kurikulum IPT di Malaysia. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v10i1.404>
- Akhir, N. S. M., Ismail, S., Ismail, M. S. I., Aisyah, S., Yusof, M. A. S. A., & Yusof, A. S. M. (2023). Penerimaan mahasiswa terhadap mata pelajaran umum (MPU) kursus falsafah dan isu semasa di UiTM cawangan Kedah. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 5(18), 137-147.
- Alias, J., & Mat, N. (2022). Pengantar Falsafah dan Isu Semasa: Rujukan Mahasiswa Universiti Awam dan Swasta. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 23, 31–36. <https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-03>
- Aljawarneh, S. A. (2020). Reviewing and exploring innovative ubiquitous learning tools in higher education. *Journal of Computing in Higher Education*, 32(1), 57–73.
- Azlan, A., Mohd Arshad, A., Bahri, S., & Mohamad Zaini, M. N. (2024). Peranan subjek Falsafah dan Isu Semasa dalam pembentukan insan bersepadu dan sejahtera bagi mendepani cabaran semasa. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 7(2), 73–89. <https://doi.org/10.24191/ejitu.v7i2.6042>
- Bond, M., Buntins, K., Bedenlier, S., Zawacki-Richter, O., & Kerres, M. (2020). Mapping research in student engagement and educational technology in higher education: A systematic evidence map. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 17(2). <https://doi.org/10.1186/s41239-019-0176-8>
- Course Information CTU552, 2024
- García-Barriocanal, E., Sicilia, M. Á., & Sánchez-Alonso, S. (2017). The role of e-vocabularies in the description and retrieval of digital educational resources. *Education Sciences*, 7(1), 33. <https://doi.org/10.3390/educsci7010033>
- Haidari, S. M., Baysal, S., & Kanadli, S. (2020). The impact of digital technology-mediated foreign language instruction on vocabulary learning: A meta-analytic review. *Abant İzzet Baysal Üniversitesi Eğitim Fakültesi Dergisi*, 20(1), 236–251.
- Kassim, F., Mat Noor, N. A., Abdul Azzis, M. S., Yong, I. S.-C., Ramli, M. R., & Hanafi, F. (2023). Pelaksanaan dan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam kalangan pelajar di Universiti Malaya. *Sains Insani*, 8(1), 15–24. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no1.416>
- Kassim, F., Ramli, M. R., Mat Noor, N. A., Yong, I. S.-C., & Abdul Azzis, M. S. (2023). Peranan kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam “menyempurnakan” mahasiswa: Kajian di Universiti Malaya. *Asian People Journal*, 6(2), 35–46. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.420>
- Marinsah, S. A., Abang Muis, A. M. R., Esa, M. S., Othman, I. W., et al. (2021). The Teaching of Philosophy and Contemporary Issues (FIS) in Formation of Critical Thinking: A Study Modules of FIS Course Implemented at Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 137–149. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.639009>
- Mohd Azhar, M. H., Ismail, K., Zulkifli, A. S., Wan Halim, W. M. A., Mohd Fadzil, A. Z., Aurani, J., Abd Ghani, B., Ismail, C. L., Mohamed Noor, A., & Johari, J. (2021). Wacana dekolonisasi ilmu dan pembentukan kearifan tempatan melalui kursus Falsafah dan Isu Semasa. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(1), 65–83. <https://doi.org/10.22452/ris.vol8no1.3>

- Pinto, M., & Leite, C. (2020). Digital technologies in support of students' learning in higher education: Literature review. *Digital Education Review*, 37, 343–360. <https://doi.org/10.1344/der.2020.37.343-360>
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and development research. In J. M. Spector, M. D. Merrill, J. Elen, & M. J. Bishop (Eds.), *Handbook of Research on Educational Communications and Technology* (4th ed., pp. 141–150). Springer. https://doi.org/10.1007/978-1-4614-3185-5_12
- Saili, J., Mustapha, M., & Arishin, S. S. A. (2025). Meta-analisis kajian Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di institusi pengajian tinggi Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4). <https://doi.org/10.55197/qjssh.v5i4.421>
- Saili, J., Mustapha, M., & Arishin, S. S. A. (2025). Meta-Analisis Kajian Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(4). <https://doi.org/10.55197/qjssh.v5i4.421>
- Toh, S. S. S., Salden, R. J. C. M., Lansdown, T. C., Lee, C. P., & Hall, D. A. (2025). Conceptualizing Critical Thinking Skills: An Empirical Study of Malaysian Undergraduate Students and Academic Staff. *Higher Education for the Future*. <https://doi.org/10.1177/23476311251379682>